

08/04/2003

Pembangunan sumber semula jadi

Junita Mat Rasid

PIHAK berkuasa tempatan (PBT) di Johor sentiasa memastikan pembangunan di kawasan mereka tidak terabai dan merangka pelbagai perancangan bagi meningkatkan lagi pembangunan di kawasan berkenaan.

Majlis Perbandaran Muar (MPM), Majlis Daerah Tangkak (MDT), Majlis Daerah Segamat (MDS) dan Majlis Daerah Labis (MDL) tidak terkecuali merangka pembangunan di kawasan pentadbiran masing-masing.

MPM memfokuskan Muar sebagai destinasi pelancongan berasaskan sumber semula jadi berikutan kedudukannya di muara sungai.

Sebuah pusat marina yang membabitkan kos RM50 juta akan dibina berhampiran jeti Tanjung Mas menjelang akhir tahun ini, sebagai destinasi pelancongan terbaru dan kegiatan rekreasi di daerah ini.

Daerah Muar mempunyai lokasi menarik dan sesuai dibangunkan sebagai kawasan pelancongan baru, selain keunikannya sebagai bandar yang terletak di muara sungai boleh menarik lebih ramai pelancong melawat negeri Johor.

Muar adalah satu-satunya bandar yang terletak di hadapan muara sungai yang besar dan berhadapan dengan Selat Melaka dan kedudukannya itu boleh menjadi daya tarikan sebagai kawasan pelancongan.

Tarikan pelancongan di Muar yang belum dioptimumkan sepenuhnya menyebabkan kerajaan negeri merancang pelbagai projek pembangunan di pesisiran muara Sungai Muar sehingga ke kawasan yang berhadapan dengan Selat Melaka.

Projek pembangunan yang meliputi kira-kira enam kilometer di kawasan berhampiran Tanjung Mas itu akan menjadi pusat kegiatan kapal persiaran yang belayar di pesisiran Sungai Muar dan Selat Melaka.

Selain itu, MPM sedang merangka pelbagai kemudahan termasuk restoran, pusat kebudayaan, taman rekreasi, kelab golf dan kawasan perumahan juga akan dibina di kawasan itu.

Pembinaan marina itu selaras hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu menjadikan pesisiran pantai Malaysia seperti pantai di perairan Mediterranean yang menjadi pusat kegiatan perahu persiaran.

Daerah Segamat pula bukan saja terkenal dengan keenakan duriannya yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa, malah keindahan landskap dan keceriaan bandarnya mampu menarik pelancong.

Sempena program Melawat Johor Tahun 2003, MDS turut menghasilkan beberapa kawasan landskap menarik khususnya di Taman dan Rekreasi Batu Hampar, sekitar bandar, pesisiran Sungai Muar yang kini berjaya menarik perhatian awam beristirehat bersama keluarga.

Selain itu, MDS menyahut seruan kerajaan negeri untuk menjadikan bandar Segamat sebagai Garden City Of Lights yang akan bermandikan cahaya lampu menarik.

Dari segi pembangunan dan kemudahan awam, MDS membelanjakan lebih RM5 juta sepanjang tahun lalu untuk membina, menaik taraf dan membaiki pelbagai kemudahan termasuk jalan, parit dan pembentung, gerai, pasar, dewan, pengindahan dan rekreasi serta lampu jalan.

Tangkak pula melaksanakan pelbagai projek pembangunan yang membabitkan perbelanjaan jutaan ringgit sejak lima tahun lalu, walaupun ia hanya sebuah pekan kecil di utara Johor.

Pentadbiran MDT yang menguruskan kawasan seluas 13,566 hektar dengan populasi seramai 60,447 orang, turut memastikan pembangunan di bandar itu berjalan lancar.

Pelaksanaan pelbagai projek untuk membangunkan Lembah Ledang itu berupaya menarik pelancong ke kawasan yang terletak berhampiran Gunung Ledang yang terkenal dengan kisah legendanya.

MDT juga sedang giat mengemaskinikan sistem perparitan dan lalu lintas serta pembinaan landskap bandar itu, sebagai persediaan bandar itu menjadi tuan rumah sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri pada 31 Ogos depan.

Setakat ini, MDT sudah membelanjakan kira-kira RM300,000 untuk membina landskap di tiga jalan utama yang menjadi pintu masuk ke pusat bandar, dalam usaha mengindahkan persekitarannya.

MDT turut menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur dan awam bagi memastikan daerah itu tidak ketinggalan.

Antara premis perniagaan dibina di daerah itu ialah Arked Bandar Tangkak, gerai Dataran Ledang, gerai Taman Rekreasi Tangkak, gerai Pekan Grisek, pusat penjaja Taman Tangkak Jaya, gerai Pasar Serom, gerai Kundang Ulu dan pasar awam di Tangkak, Serom, Bukit Gambir serta Bukit Kangkar.